

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BT. ALUAI (TANGGA BATU)**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BT. ALUAI [ TANGGA BATU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula permohonan bagi Geran Persatuan Penduduk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Inisiatif pemberian Geran Persatuan Penduduk merupakan program di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bermula pada tahun 2013 untuk menggerak dan memperkasakan peranan pertubuhan melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Sehingga tahun 2019, JPPM telah berjaya menyalurkan peruntukan secara keseluruhan berjumlah RM79.9 juta lebih kepada 8,146 pertubuhan di bawah kategori Persatuan Penduduk, Kebajikan dan Keselamatan yang berdaftar di seluruh negeri bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat melalui pemberian geran tersebut.

Pada tahun 2019, pihak Kementerian juga telah menjalankan kajian bagi menilai keberkesanan program pemberian Geran kepada Pertubuhan serta mengenal pasti manfaat dana ini kepada komuniti dari aspek

## SOALAN NO : 10

keselamatan dan kesejahteraan termasuk pencegahan jenayah dan aktiviti kejuruan. Rumusan daripada kajian mendapati bahawa majoriti atau lebih daripada 50 peratus pertubuhan telah bersetuju bahawa penyaluran geran ini sangat berkesan dalam membantu meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak KDN amat komited untuk terus melaksana dan menambah baik mekanisma pelaksanaan pemberian geran melalui Pemberian Geran Pembangunan Pertubuhan bagi tahun 2022. Perkara ini adalah selaras dengan Pelan Strategik JPPM 2021-2025 di bawah Teras 2 iaitu Memperkasakan Pertubuhan dan Komuniti.

Sehubungan dengan itu, di bawah Bajet 2022 Inisiatif 5: Pertahanan & Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri akan melaksanakan Program Malaysian Incentive Community Empowerment melalui pemberian geran sehingga 10 ribu ringgit kepada 2,000 pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dalam kategori Kebajikan, Sosial, Keselamatan dan Hak Asasi. Inisiatif ini melibatkan jumlah peruntukan sebanyak 20 juta ringgit.

Menerusi program ini, adalah diharapkan lebih banyak pertubuhan komuniti di bawah kategori Kebajikan, Sosial, Keselamatan dan Hak Asasi yang berdaftar akan menerima manfaat dalam agenda memperkasakan pertubuhan khususnya untuk membangunkan tadbir urus pertubuhan yang cekap, memupuk nilai kesukarelawan dan mengenal pasti nilai kepimpinan dalam komuniti bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat melalui semangat Keluarga Malaysia.